

**ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN :
KAJIAN SEJARAH DAN TEKSTUAL ANALISIS**
**Paradigmshift In Christianity :
An Historical and Textual Analysis**

Zaifuddin Md Rasip
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Malaysia Sabah
zaifuddin@ums.edu.my

Abstrak

Agama Kristian merupakan agama yang paling ramai pengikutnya di seluruh dunia di kala ini. Agama yang mulanya berkembang di Palastine kini telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Manakala penganutnya pula terdiri daripada berbilang bangsa dan keturunan. Agama Kristian telah menjadi agama yang bersifat universal, untuk semua manusia tanpa mengira keturunan dan bangsa. Ini merupakan salah satu ciri utama agama Kristian. Namun demikian ajaran yang dibawa oleh Jesus hanya untuk bani Israel sahaja. Bagaimanakah agama ini boleh berubah menjadi agama yang bersifat universal? Pada masa yang sama juga terdapat banyak perbezaan antara ajaran agama Kristian sekarang dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Apakah elemen-elemen yang berbeza antara ajaran Jesus dengan ajaran Kristian yang ada sekarang? Siapakah yang bertanggungjawab membawa perubahan ini? Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji ajaran sebenar Jesus seperti yang terkandung dalam Bible yang berbeza dengan agama Kristian sekarang. Penyelidikan ini juga meneliti ayat-ayat Bible yang mengesahkan berlakunya anjakan paradigma dalam agama Kristian. Oleh kerana kajian ini membincangkan doktrin asas dalam agama Kristian, maka kaedah kajian ini melibatkan analisis teks Bible secara terperinci. Pada masa yang sama sejarah awal Kristian juga dikaji untuk melihat bagaimana perbezaan ini berlaku. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan antara ajaran Jesus dengan agama Kristian sekarang sekaligus membuktikan wujudnya anjakan paradigma dalam agama Kristian.

Kata kunci: Kristian, Bible, anjakan paradigma, ajaran Jesus, ajaran Paul.

Article Progress

Received: 24 July 2023

Revised: 9 Aug 2023

Accepted: 17 Aug 2023

*Corresponding Author:

Zaifuddin Md Rasip

E-mail:

zaifuddin@ums.edu.my

Abstract

Christianity is the largest religion in the world today. The religion that started in Palestine and now has spread out all over the world. While Christians are made up of various races and nations. Thus Christianity has become a universal religion. This is one of the most important characteristics of Christianity. However, Jesus' teaching was only for the children of Israel. How can this religion changed into a universal religion? At the same time there are some differences between the teachings of Christianity today and the teachings of Jesus. What are the elements that distinguish the teachings of Jesus from Christianity today? The main objective of this research is to study the true teachings of Jesus as stated in the Bible that are different from Christianity today. This research also examines verses in the Bible that confirm the occurrence of a paradigm shift in Christianity. Since this study discusses the basic doctrine of Christianity, this study method involves analyzing the Bible text in detail. At the same time the early history of Christianity is also studied to see how this differences could have happened. The results of the study show that there are differences between the teachings of Jesus and Christianity today. Thus it proves that there has been a paradigm shift in Christianity.

Keywords: *Christianity, Bible, Paradigm Shift, Teachings of Jesus, Teachings of Paul*

PENDAHULUAN

Jesus dilahirkan dalam keluarga Yahudi, membesar dalam suasana Yahudi, dikhatankan pada hari yang kelapan mengikut peraturan agama Yahudi, mengamalkan ajaran agama Yahudi dan kemudian diutuskan untuk mengembangkan dakwahnya di kalangan bani Israel sahaja. Dakwah Jesus bermula sebagai sebagai gerakan tajdid atau *reform movement* dalam agama Yahudi. Jesus juga mengajak bani Israel untuk berpegang kepada kitab Taurat dan kitab para rasul bani Israel yang telah diutuskan sebelumnya. Bagaimanakah agama ini boleh berubah menjadi agama yang bersifat universal? Pada masa yang sama juga terdapat banyak perbezaan antara ajaran agama Kristian sekarang dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Apakah elimen-elimien yang berbeza antara ajaran Jesus dengan ajaran Kristian yang ada sekarang? Siapakah yang bertanggungjawab membawa perubahan ini? Kajian ini akan mengkaji perubahan-perubahan ini, yang menunjukkan berlakunya anjakan paradigam dalam agama Kristian.

**ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH 123
DAN TEKSTUAL ANALISIS**

PENYATAAN MASALAH

Jesus dianggap sebagai pengasas agama Kristian, namun demikian ajaran dalam agama Kristian sekarang berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Telah berlaku anjakan paradigma dalam agama Kristian sehinggalah agama Kristian sekarang berbeza dengan agama yang dibawa oleh pengasasnya iaitu Jesus. Justeru kajian ini akan mengkaji elemen-elemen yang membezakan antara ajaran Jesus dan ajaran Kristian sekarang. Oleh itu analisis ayat-ayat Bible yang berkaitan dengan perbezaan ini akan dilakukan. Sejarah awal Kristian juga akan dikaji untuk memastikan siapa yang bertanggungjawab terhadap perubahan ini dan bagaimana ia berlaku.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji berkenaan anjakan paradigma dalam agama Kristian. Berikut merupakan objektif kajian secara terperinci:

- i. Mengkaji elemen-elemen yang membezakan antara ajaran Jesus dengan agama Kristian sekarang.
- ii. Mengkaji bagaimana boleh berlaku perbezaan antara ajaran Jesus dengan agama Kristian sekarang.
- iii. Mengkaji siapakah yang bertanggungjawab melakukan perubahan ini.

METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan dalam makalah ini ialah kajian berbentuk kualitatif iaitu kajian kepustakaan, analisis tekstual dan kajian komparatif yang dilakukan ke atas teks Bible. Kaedah analisis dokumen dan kajian komparatif ini turut digunakan dan diimplementasikan ke atas buku-buku dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Analisis makalah ini hanya bertumpu kepada perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam agama Kristian yang membuktikan berlakunya anjakan paradigma dalam agama Kristian.

SOROTAN KAJIAN

Telah berlaku anjakan paradigma dalam ajaran agama Kristian. Perkara ini diakui oleh ramai ilmuan Barat sendiri. Penulis melakukan rujukan kepada buku-buku yang ditulis oleh oleh ilmuan Barat, untuk menjalan kajian terhadap kenyataan ini, agar kajian ini lebih objektif dan tidak hanya melihat dari sudut pandangan ilmuan Islam. Antara rujukan utama kajian ini ialah buku yang ditulis oleh Hans Küng yang bertajuk *Judaism Between Yesterday and Tomorrow* yang diterbitkan oleh Crossroad pada tahun 1992. Dalam tulisannya Hans Küng menjelaskan bahawa Jesus lahir dalam keluarga Yahudi yang mengamalkan ajaran dan syariat agama Yahudi. Lantaran itulah Jesus telah dikhatankan pada hari kelapan selepas kelahirannya mengikut ajaran agama Yahudi. Dalam dakwahnya, Jesus menegaskan kepada pengikutnya agar berpegang teguh kepada ajaran Taurat dan kitab para rasul yang diutuskan sebelumnya. Hans Küng juga mengesahkan bahawa dakwah yang dilakukan oleh Jesus hanyalah kepada bani Israel sahaja. Justeru itu Hans Küng menegaskan bahawa gerakan dakwah yang dibawa oleh Jesus bukan merupakan satu ajaran yang baharu yang berbeza dengan ajaran agama Yahudi, sebaliknya ia merupakan *reform movement* yang tetap berada dalam kerangka ajaran agama Yahudi, iaitu membawa akidah tauhid, seruan untuk berpegang kepada syariat Taurat dan kitab para rasul sebelumnya, dakwahnya hanya khas untuk bani Israel sahaja. Jesus tidak pernah berdakwah kepada selain bani Israel. Bahkan ketika Jesus menghantar murid-muridnya (hawariyun), beliau telah berpesan agar mereka tidak pergi berdakwah melainkan hanya kepada bani Israel sahaja. Namun demikian berlaku perubahan menurut ajaran Paulus, yang menjadikan Kristian bersifat universal.

Jesus adalah seorang yang beragama Yahudi. Beliau dibesarkan di kalangan masyarakat yang mengamalkan ajaran agama Yahudi. Jesus menjadi contoh yang terbaik dalam melaksanakan ajaran Taurat dan kitab para nabi bani Israel sebelumnya. Perkaran ini dijelaskan oleh oleh Irving M. Zeitlin dalam buku beliau bertajuk *Jesus and the Judaism of His Time* yang diterbitkan oleh Polity Press pada tahun 1990. Ajaran yang dibawa oleh Jesus, sistem syariat yang dilaksanakannya, bahkan

**ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH 125
DAN TEKSTUAL ANALISIS**

tentang konsep ketuhanan yang diimaninya, adalah selari dengan ajaran OT dan bertepatan dengan ajaran agama Yahudi. Konsep tauhid yang dibawa oleh Jesus jelas termaktub dalam Mark, di kala Jesus ditanya tentang apakah ajaran yang paling penting dibawa oleh beliau. Lalu Jesus menegaskan bahawa ajaran yang paling penting yang dibawanya ialah konsep tauhid iaitu Tuhan Maha Esa. Namun ajaran Paul telah membuka jalan kepada ajaran trinitas yang berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Menurut Zeitlin lagi, sangat jelas dengan dalil daripada Bible bahawa Jesus bukan sahaja seorang rasul, bahkan beliau begitu konsistent menegaskan bahawa dakwahnya hanya untuk bani Israel sahaja. Secara praktikalnya pula, menurut Zeitlin, Jesus hanya menyampaikan dakwahnya kepada bani Israel sahaja dan Jesus tidak pernah menyampaikan dakwahnya kepada bangsa yang lain selain kepada bani Israel. Penegasan yang sama juga penulis dapati termaktub di dalam al-Quran. Namun demikian ajaran Paulus telah menjadikan agama Kristian untuk semua bangsa. Ini merupakan salah satu bentuk anjakan paradigma dalam agama Kristian.

Ajaran yang dibawa oleh Jesus, sistem syariat yang dilaksanakannya, bahkan tentang konsep ketuhanan yang diimaninya adalah selari dengan ajaran OT dan bertepatan dengan ajaran agama Yahudi. Jesus menjadi contoh yang terbaik dalam melaksanakan ajaran Taurat dan kitab para nabi bani Israel sebelumnya. Perkara ini ditegaskan oleh Obert C. Tanner bertajuk *Words Understanding the New Testament* yang diterbitkan oleh Signature Books Salt Lake City pada tahun 1990. Tanner juga menegaskan bahawa perutusan Jesus kepada bani Israel adalah untuk melaksanakan ajaran Taurat dan kitab para nabi bani Israel yang telah diutuskan sebelumnya. Namun ajaran Paulus menegaskan dengan kematian Jesus di tiang salib telah membatalkan segala hukum Taurat. Ini juga merupakan salah satu anjakan paradigma yang berlaku dalam agama Kristian.

Ajaran yang paling penting yang dibawa oleh Jesus ialah mengajak bani Israel menyembah Tuhan Yang Maha Esa. Perkara ini ditegaskan oleh R. Bultmann dalam buku beliau *Theology of the New Testament*, yang diterbitkan di New York oleh Charles Scribner's Sons

pada tahun 1915. Bultmann menegaskan Jesus sendiri menyembah Tuhan yang Maha Esa selari dengan konsep ketuhanan dalam agama Yahudi. Bultmann menegaskan bahawa penyembahan kepada Tuhan yang Maha Esa, bukan sahaja terdapat dalam OT, bahkan juga banyak ayat-ayat dalam NT yang menegaskan tentang keesaan Tuhan. Menurut Bultmann, kedatangan Jesus untuk membawa pengikutnya mengamalkan ajaran Taurat dan ajaran kitab para rasul sebelumnya. Ajaran yang dibawa oleh Jesus sama ada tentang konsep ketuhanan, kepatuhan dan pelaksanaan syariat, konsep kehidupan dunia dan akhirat adalah di dalam kerangka ajaran OT yang dibawa oleh para rasul yang telah diutuskan sebelumnya. Apa yang dibawanya bukanlah satu ajaran yang baharu melainkan sebagai pembaharuan kepada ajaran sebelumnya dan yang masih tetap berada di dalam kerangka ajaran OT. Namun ajaran yang dibawa oleh Paulus telah membebaskan Kristian daripada peraturan dan hukum Taurat.

Buku yang ditulis oleh International Student Association (ISA), *Should You Believe in the Trinity* diterbitkan New York pada tahun 1989 oleh Watch Tower Bible and Tract Society of New York, menegaskan bahawa sekiranya seseorang membaca Bible dari kulit ke kulit tanpa sebarang fahaman trinitas sebelumnya, apa yang dapat difahaminya dari pembacaan tersebut ialah Bible mengajar akidah tauhid. Akidah tauhid merupakan ajaran asas yang terdapat dalam Bible. Bahkan perkataan Trinitas langsung tidak disebutkan dalam Bible sebaliknya semua ayat yang membicarakan konsep ketuhanan yang dibawa oleh Jesus berpaksikan kepada ajaran Tauhid. ISA menegaskan ayat dalam Mark yang berbunyi ὁ Θεὸς ἡμῶν Κύριος εἷς ἐστίν bermaksud Tuhan kita adalah Tuhan yang Esa. Perkataan ἐστίν (*estin*) mewakili satu (singular). Bererti Tuhan Maha Esa. Sekiranya Tuhan bukan Esa, maka perkataan ἐστίν (*estin*) tidak digunakan kerana ia mewakili tunggal (singular), sebaliknya perkataan yang digunakan ialah εἰσιν (*eisin*) bermaksud *are* yang mewakili banyak (*plural*). Justeru ISA menegaskan bahawa ayat ini menjelaskan Tuhan bani Israel adalah Tuhan yang Esa. Ini merupakan asas akidah yang diajarkan oleh OT iaitu konsep Tauhid.

Pada masa yang sama juga penulis merujuk kepada beberapa buku yang ditulis oleh ilmuan Islam. Antara buku ilmuan Islam yang menjadi rujukan penting untuk kajian ini ialah buku tulisan 'Irfāan Abdel Hamīd Fattah yang bertajuk *An-Naṣrāniyyah Naṣātuhā At-Tāriḥiyyah wa Usūl 'Aqāiduhā*, diterbitkan oleh Dār Amār, Jordan pada tahun 2000. Fattah menegaskan Islam merupakan satu-satunya agama di dunia ini, selain agama Kristian, yang menghormati dan memuliakan Jesus. Bahkan kepercayaan kepada Jesus merupakan salah satu rukun iman, maka tidak diterima keimanan seseorang itu sekiranya menolak Jesus sebagai salah seorang rasul Allah swt. Menurut Fattah lagi, Jesus hanya diutuskan kepada bani Israel sahaja dan tidak kepada bangsa yang lain dengan membawa akidah tauhid. Justeru itu Jesus hanya menyampaikan dakwahnya kepada bani Israel sahaja dan Jesus tidak pernah menyampaikan dakwahnya kepada bangsa yang lain selain kepada bani Israel.

Untuk melihat persamaan antara ajaran Jesus dengan ajaran al-Quran, penulis telah merujuk beberapa kitab tafsir seperti Muhammad 'Ali As-Ṣobūnī bertajuk (2001), *At-Tafsīr Al-Wāḍiḥ Al-Muyassar* diterbitkan di Beirut oleh Al-Maktāb Al-'Ariḍah pada tahun 2001, kitab *Tafsīr Al-Jalālaīn* yang ditulis oleh Jalāluddīn As-Sayūṭī dan Jalāluddīn Al-Mahallī, diterbitkan di Beirut oleh Dār Al-Mār'arif, tanpa tarikh dan Ismā'ail Ibn Kaṭīr, *Tafsīr Al-Qurān Al-'Azīm*, diterbitkan di Beirut oleh Dār Ihyā At-Turāṭ Al-Arābi pada tahun 1985. Kesemua kitab tafsir ini menafsirkan ayat yang berkaitan dengan konsep tauhid yang dibawa oleh Jesus serta Jesus sebagai seorang rasul yang diutuskan kepada bani Israel. Kesemua kitab tafsir ini juga menegaskan Jesus mengajar pengikutnya untuk mengamalkan ajaran kitab Taurat di samping baginda diberikan kitab Injil. Pada masa yang sama, semua kitab-kitab ini menjelaskan akidah yang diajarkan oleh Jesus kepada pengikutnya adalah akidah tauhid dan akidah trinitas adalah akidah yang kufur.

Pendahuluan

Dakwah Jesus bermula sebagai sebagai gerakan tajdid atau *reform movement* dalam agama Yahudi. Jesus dilahirkan dalam keluarga yang beriman dengan agama Yahudi, membesar dalam suasana Yahudi,

dikhatankan pada hari yang kelapan mengikut peraturan agama Yahudi, mengamalkan ajaran agama Yahudi dan kemudian diutuskan untuk mengembangkan dakwahnya di kalangan bani Israel sahaja. Jesus juga mengajak bani Israel untuk berpegang kepada kitab Taurat dan kitab para rasul bani Israel yang telah diutuskan sebelumnya. Namun demikian selepas kematian Jesus di tiang salib, mengikut keyakinan penganut agama Kristian, telah berlaku anjakan paradigma dalam agama Kristian dari sudut akidah, kefahaman dan amalannya. Orang yang bertanggung jawab membawa anjakan paradigma ini ialah Paulus yang mengaku menjadi utusan Jesus untuk menyebarkan agama Kristian ke seluruh alam. Lantaran itulah Hans Küng (1992:373) berkata bahawa Paulus adalah merupakan pengasas sebenar ajaran Kristian yang ada sekarang.

Hubungan Jesus Dengan Agama Yahudi

Jesus dilahirkan dalam keluarga bani Israel yang beragama Yahudi. Menurut *A Reader's Guide to the Holy Bible* (1972:1-2), Jesus telah dibesarkan dalam budaya bani Israel dengan mentaati ajaran agama Yahudi dan mengikut ajaran Perjanjian Lama (PL) atau Old Testament (OT). Lantaran itu agama yang menjadi pegangan Jesus ialah agama Yahudi. Menurut J.B Philips (1957:119), Jesus telah dididik oleh keluarganya untuk melaksanakan ajaran nabi Musa dalam kehidupannya seharian. Hal ini terserlah dengan tindakan keluarganya mengkhatakan Jesus pada hari kelapan mengikut ajaran agama Yahudi. Bible menjadi saksi terhadap kenyataan ini;

A week later, when the time came for the baby to be circumcised, he was named Jesus, the name which the angel had given him before he had been conceived.

Setelah berumur lapan hari, anak itu dikhatankan dan mereka menamakannya Jesus, nama yang telah diberikan oleh malaikat kepadanya sebelum dia dikandung oleh ibunya. (NT, Luke 2:21)

Ayat ini menegaskan Yesus telah dikhatankan pada hari yang kelapan mengikut ajaran Taurat, seperti yang diperintahkan oleh Tuhan kepada nabi Ibrahim dan anak keturunannya. Perintah Allah ini ada termaktub dalam Taurat;

God said to Abraham, "You also must agree to keep the covenant with me, both you and your descendants in future generations. You and your descendants must all agree to circumcise every male among you. From now on you must circumcise every baby boy when he is eight days old, including slaves born in your homes and slaves bought from foreigners. This will show that there is a covenant between you and me.

Tuhan berkata lagi kepada Ibrahim, "Kamu pun mesti setia kepada perjanjian dengan Aku ini, baik kamu mahupun keturunanmu turun-temurun di masa akan datang. Kamu dan semua keturunanmu yang lelaki mesti dikhatankan. Bermula daripada sekarang kamu mesti mengkhatakan setiap bayi lelaki yang berumur lapan hari, termasuk para hamba yang lahir di rumahmu atau yang kau beli. Khatan itu akan menjadi tanda dari perjanjian antara kamu dan Aku". (OT, Genesis 17:9-12)

Menurut perjanjian antara Tuhan dengan nabi Ibrahim, Tuhan telah mewajibkan nabi Ibrahim as serta anak keturunannya yang lelaki untuk berkhatan. Menurut Hans Küng (1992:307-310), fakta Yesus telah dikhatan pada hari kelapan menunjukkan kepatuhan dan ketaatan keluarga Yesus mengikut ajaran Taurat.

Lantaran Yesus berpegang kepada ajaran Yahudi, maka Yesus memuliakan sambutan Sabath, pergi ke Synagouge pada hari Sabtu dan menyambut Passover setiap tahun. Yesus tidak pernah pergi ke gereja pada hari Ahad, malah gereja tidak wujud pada zaman Yesus. Justeru ajaran agama Kristian yang beribadah di gereja pada hari Ahad merupakan

ajaran yang telah jauh lari daripada amalan Jesus dan ajaran agama Yahudi (Hans Küng, 1992:316).

Jesus mengajak bani Israel beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa seperti aqidah yang dibawa oleh nabi Musa as iaitu konsep monotheism. Jesus tidak pernah mengajak manusia untuk mengimani akidah trinititi seperti yang dianuti oleh penganut agama Kristian sekarang (Irfan, 2000:46). Akidah trinititi bukan merupakan ajaran yang dibawa oleh Jesus dalam dakwahnya. Lantaran itu Jesus tidak pernah mengaku dirinya sebagai Tuhan dan tidak pernah meminta bani Israel menyembahnya sebagai Tuhan. Sepanjang dakwahnya Jesus tidak pernah mengajar akidah trinititi. Bahkan lebih menakjubkan perkataan trinititi tidak termaktub langsung dalam Bible (ISA 1989:7). Menurut Karl Rahner, (2018:10-12) tauhid merupakan ajaran asas dalam agama Kristian.

Manakala dalam medan dakwah pula, Jesus hanya berdakwah kepada bani Israel sahaja. Jesus tidak pernah mengajak orang lain selain daripada bani Israel untuk beriman kepada dakwah yang dibawanya (Irfan, 2000:47). Tiada mana-mana ayat sama ada dalam Bible mahu pun dalam al-Quran yang menegaskan bahawa Jesus memerintahkan pengikutnya untuk menyampaikan dakwah kepada selain bani Israel. Lantaran itulah ajaran yang dibawa oleh Jesus hanya berkembang di kalangan bani Israel sahaja (Zaifuddin Md Rasip, 2020:288). Bahkan ketika Jesus mengutuskan dua belas muridnya untuk berdakwah, beliau telah memberikan arahan yang jelas kepada mereka agar jangan menyimpang ke jalan bangsa lain atau masuk ke dalam kota orang Samaria, melainkan pergilah kepada domba-domba yang hilang dari umat Israel. (NT, Mark 10:5-6)

Jesus Dan Kitab Taurat

Jesus mengajak bani Israel untuk berpegang kepada ajaran kitab Taurat dan ajaran para nabi sebelumnya. Ajaran Jesus bukanlah satu ajaran yang baharu, sebaliknya sebagai penerusan kepada ajaran para rasul bani Israel, di samping Jesus diberikan kitab injil.

μη νομισητε οτι ηλθον καταλυσαι τον νομον η τους προφητας ουκ ηλθον καταλυσαι αλλα πληρωσαι. αμην γαρ λεγω υμιν εως αν

**ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH 131
DAN TEKSTUAL ANALISIS**

παρελθῆ ο οὐρανὸς καὶ ἡ γῆ ἵστα ἐν ἡ μία κεραιὰ οὐ μὴ παρελθῆ ἀπο
τοῦ νομοῦ ἕως ἂν πάντα γενῆται. (NT, Matthew 5:17-19).

"Jangan kamu menganggap bahawa Aku datang untuk memansuhkan hukum Taurat dan ajaran nabi-nabi sebelumku. Aku datang bukan untuk memansuhkannya, tetapi untuk melaksanakan ajarannya. Ingatlah! Selama langit dan bumi masih ada, tidak ada satu huruf atau satu titik yang pun dari hukum itu akan dimansuhkannya sehingga semua alam ini binasa!

Perkataan *μη νομίσητε* bermaksud; jangan kamu menganggap, *ἦλθον καταλῦσαι τὸν νόμον* bermaksud; bahawa aku datang untuk memansuhkan undang-undang (Taurat) *ἢ τοὺς προφητάς* dan (ajaran) para nabi. Ayat ini secara tegas menyatakan bahawa Jesus tidak datang untuk memansuhkan ajaran kitab Taurat dan kitab para rasul sebelumnya. Ayat seterusnya berbunyi *ἀλλὰ πληρῶσαι* bermaksud; tetapi untuk melaksanakan. Ini bermaksud Jesus datang untuk membawa dan mengajak pengikutnya melaksanakan ajaran Taurat dan ajaran para nabi yang telah diutuskan kepada bani Israel sebelum perutusan Jesus. Bahkan NT, Matthew (5:19) memberi ancaman kepada mereka yang meninggalkan ajaran Taurat dan ajaran para rasul sebelum Jesus walau sekecil mana sekalipun ajaran tersebut. Kenyataan ini selari dengan apa yang dijelaskan oleh al-Quran;

وَإِذْ عَلَّمْنَاكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالنُّورَ وَالْإِنجِيلَ

Dan (ingatlah) di waktu Aku mengajar kamu menulis, hikmah, Taurat.
(Al-Quran, al-Maidah, 5:110)

Menurut Ismā'īl Ibn Kaṭīr (1985:2/192) kedatangan nabi Isa bukan sahaja membawa kitab Injil, bahkan memerintahkan umatnya untuk berpegang kepada ajaran Taurat yang diturunkan kepada nabi Musa. Manakala dalam menafsirkan surah as-Saf 61:6, Muhammad 'Ali As-Ṣobūnī (2001:1407) menjelaskan bahawa nabi Isa bukan sahaja membenarkan kitab Taurat, bahkan ajaran yang dibawanya juga tidak bertentangan dengan ajaran kitab Taurat. Perkara yang sama juga dijelaskan oleh Luke;

It is easier for heaven and earth to disappear than for the least stroke of a pen to drop out of the Law.

Tetapi lebih mudah untuk langit dan bumi lenyap, daripada satu huruf dalam Hukum Allah untuk dimansuhkan. (NT, Luke 16:17)

Peraturan Yahudi Dalam Kehidupan Sehari-hari Yesus

Yesus dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga Yahudi dan mengamalkan ajaran Yahudi. Hakikat ini diakui oleh pemikir Yahudi dan Kristian daripada pelbagai aliran pemikiran (Charlesworth, 1990: 43). Bahkan, menurut Freed (1990:166), ajaran yang dibawa oleh Yesus merupakan penerusan daripada ajaran nabi Musa dan bukan satu ajaran agama yang baharu. Lantaran itulah Yesus datang untuk melaksanakan ajaran Taurat dan ajaran para nabi bani Israel yang telah diutuskan sebelum baginda. Menurut Hans Küng (1990:308), personaliti yang dibawa oleh Yesus sama ada dalam keperibadian, kehidupan sehari-hari, idea serta pemikiran yang disebarkan dan aktiviti dakwahnya adalah sepenuhnya menurut ajaran Yahudi yang terdapat di zamannya kerana beliau seorang Yahudi yang hidup di kalangan masyarakat Yahudi.

Manakala Zeitlin (1988:48) pula menegaskan bahawa Yesus adalah seorang Yahudi dan bukan Kristian. Namun hakikat keyahudian Yesus ini hilang daripada pandangan masyarakat Kristian sekarang. Menurut Rudolf Bultmann (1962:8) pula, ajaran yang dibawa oleh Yesus sama ada tentang konsep ketuhanan, kepatuhan dan pelaksanaan syariat, konsep kehidupan dunia dan akhirat adalah di dalam kerangka ajaran PL yang dibawa oleh para rasul yang telah diutuskan sebelumnya.

Hakikatnya Yesus beragama Yahudi bukan beragama Kristian, Yesus bersembahyang di Syangogue bukan di Gereja, Yesus memuliakan Sabbath bukan hari Ahad, Yesus menyambut Passover bukan Krismas. Setiap dimensi kehidupannya adalah bertunjangkan kepada ajaran Yahudi (Young 1996:xxxiv-xxxv).

Tanda Cinta: Taat Kepada Peraturan Tuhan

Tanda kecintaan seseorang kepada Yesus ialah dengan mematuhi peraturan yang telah dibawa oleh Yesus. Perkara ini telah Yesus tegaskan kepada pengikutnya;

If you love me, you will obey my commandments.

Jika kamu mengasihi aku, kamu akan taati segala perintahku. (NT, John 14:15)

Antara peraturan yang dibawa oleh Yesus ialah mengajak bani Israel mematuhi ajaran Taurat dan ajaran rasul-rasul sebelum Yesus. Oleh itu tanda cinta seseorang kepada Yesus semestinya dengan menuruti ajaran Taurat dan ajaran rasul-rasul sebelumnya;

The commandments, “Do not commit adultery; do not commit murder; do not steal; do not desire what belongs to someone else”—all these, and any others besides, are summed up in the one command, “Love your neighbour as you love yourself.” If you love others, you will never do them wrong; to love, then, is to obey the whole Law.

Perintah tersebut ialah: Janganlah kamu berzina, janganlah kamu membunuh, janganlah kamu mencuri, janganlah kamu tamak untuk memiliki kepunyaan orang semuanya ini dan lainnya itu pun sudah terkumpul di dalam arahan ini, iaitu: Hendaklah kamu mengasihi sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri. Jika sekiranya kamu kasih orang lain, kamu tidak melakukan kejahatan atas sesama manusia. Oleh sebab itu kasih itu menjadi jalan mentaati syariat Taurat. (NT, Romans 13:9-10)

Dalam ayat ke sepuluh secara jelas dan nyata disebutkan tanda kecintaan seseorang kepada Yesus ialah dengan melakukan atau mematuhi keseluruhan syariat Taurat. Peraturan jangan berzina, jangan

membunuh dan janganlah mencuri merupakan antara ajaran *Ten Commandments* (OT, Exodus 20:1-17) yang termaktub di dalam ajaran Taurat yang perlu ditaati. Inilah juga antara peraturan yang perlu ditaati oleh mereka yang mencintai Jesus. Di samping itu Bible juga menjelaskan mereka yang mendakwa mencintai Jesus tetapi tidak mematuhi peraturan Tuhan, mereka adalah pendusta yang nyata;

If we obey God's commands, then we are sure that we know him. If we say that know him, but do not obey his commands, we are liars and there is no truth in us.

Jika kita mentaati perintah Tuhan, maka yang demikianlah kita pasti sudah mengenali Dia. Tetapi jika kita berkata, kami kenal Dia, namun tidak mentaati perintah-perintahNya, maka kita telah menjadi pendusta, dan kebenaran itu tiada di dalam diri kita. (NT, 1 John 2:3-4)

Kecintaan kepada Jesus dengan ketaatan peraturan Taurat adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Tidak sepatutnya berlaku seseorang yang mendakwa mencitaai Jesus tetapi membelakangi ajaran Taurat dan peraturan Tuhan. Hanya pendusta sahaja yang bersikap demikian, kerana hanya mulut sahaja yang berkata tetapi di hatinya tidak ada kebenaran. Ini kerana kasih kepada Jesus tidak dapat dipisahkan dengan ketaatan kepada hukum Tuhan;

I love you just as the Father loves me; remain in my love.¹⁰ If you obey my commands, you will remain in my love, just as I have obeyed my Father's commands and remain in his love.

Sebagaimana *the Father* mengasihi aku, demikian juga aku mengasihi kamu; kekallah kamu di dalam kasihku itu. Jika kamu mentaati segala perintahku, nescaya kamu akan tetap berada di dalam kasihku, sama seperti aku sudah menurut segala perintah Bapaku dan kekallah aku di dalam kasihNya. (NT, John 15:9-10)

Semua ayat-ayat di atas menjelaskan tanda kecintaan seseorang kepada Yesus ialah dengan melaksanakan peraturan Tuhan, yaitu ajaran Taurat dan ajaran para rasul sebelum Yesus. Seterusnya mereka yang melaksanakan peraturan ini akan di cintai oleh Yesus. Mereka yang dicintai oleh Yesus akan dicintai oleh Tuhannya. Semua ayat ini juga memberikan isyarat yang jelas bahawa Yesus datang bukan untuk memansuhkan ajaran kitab Taurat sebaliknya untuk melaksanakannya. Bahkan Yesus meminta pengikutnya turut serta mentaati ajaran Taurat dan ajaran para nabi sebelumnya.

Penjelasan Bible Tentang Dakwah Jesus

Dakwah Jesus adalah bersifat *particularistic*, iaitu khas untuk bani Israel sahaja dan bukan bersifat universal. Perkara ini ditegaskan oleh Jesus;

I have been sent only to the lost sheep of the people of Israel.

Aku diutus hanya kepada bangsa Israel, khususnya kepada mereka yang hilang di kalangan bani Israel. (NT, Matthew 15:24)

Menurut Hirnells (1997:106), dari awal lagi amat jelas bahawa dakwah Jesus bersifat *particularistic* dan berkembang di kalangan bani Israel sahaja. Jesus datang untuk memperbetulkan keadaan beragama di kalangan bani Israel. Jesus tidak pernah mengutus murid-muridnya untuk berdakwah selain kepada bani Israel;

These twelve men were sent out by Jesus with the following instructions: "Do not go to any Gentile territory or any Samaritan towns. Instead, you are to go to the lost sheep of the people of Israel".

Kedua belas rasul telah diutuskan oleh Jesus dengan arahan-arahan berikut; "Janganlah pergi ke daerah orang-orang yang bukan Yahudi. Jangan juga ke kota-kota orang

Samaritan. Tetapi pergilah kepada mereka yang hilang di kalangan bani Israel". (NT, Matthew 10:5-6)

Jesus memberi arahan dengan jelas kepada murid-muridnya agar hanya berdakwah di kalangan orang bani Israel sahaja. Lantaran itu jugalah Jesus sendiri tidak pernah menyampaikan dakwahnya di luar kelompok bani Israel (Winter, 1975:84). Jesus begitu konsistant dalam menegaskan bahawa dakwahnya hanya untuk bani Israel sahaja (Zeitlin, 1988:46-48). Fakta ini selari dengan ajaran al-Quran;

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ

Dan (ingatlah) ketika Isa ibn Maryam berkata: "Wahai bani Israel, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab sebelumku, iaitu Taurat." (Al-Quran, as-Saf, 61:6)

Menurut Muhammad 'Ali As-Sobūnī (2001:1407) dalam ayat ini nabi Isa menegaskan bahawa baginda diutuskan oleh Allah hanya kepada bani Israel sahaja. Firman Allah lagi;

وَيُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَرَسُولًا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ

Dan Allah akan mengajarnya (nabi Isa) Al-Kitab, Al-Hikmah, At-Taurat dan Al-Injil. Dan (mengutuskannya) menjadi seorang Rasul kepada bani Israel. (Al-Quran, Ali Imran, 3:48-49)

Menurut Jalāluddīn (t.t.:72) dalam *Tafsīr Al-Jalālaīn*, nabi Isa telah diutuskan oleh Allah sebagai rasul kepada bani Israel. Lalu baginda berkata kepada mereka, "Sesungguhnya aku ini utusan Allah kepada kamu dan sesungguhnya aku datang kepada kamu dengan membawa suatu tanda bukti atas kebenaranku dari Tuhan kamu". Ini bererti dakwah baginda khas hanya untuk bani Israel sahaja.

Particularistic vs Universalism

Semua fakta yang dibentangkan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa dakwah Jesus bersifat *particularistic* iaitu hanya khas untuk bani Israel sahaja. Semenjak dari awal lagi dakwah Jesus hanya ditujukan kepada bani Israel sahaja. Jesus tidak pernah melakukan dakwah kepada umat lain selain bani Israel. Fakta ini diakui oleh al-Quran dan Bible. Namun demikian penganut agama Kristian sekarang ini adalah terdiri daripada semua bangsa yang ada di dunia ini dan bukan sahaja dari kalangan bani Israel sahaja. Bagaimanakah agama Kristian sekarang ini menjadi agama yang bersifat universal? Bagaimanakah agama Kristian boleh berubah daripada agama yang khas untuk bani Israel sahaja kepada agama untuk manusia sejagat? Siapakah yang bertanggungjawab melakukan perubahan ini? Inilah yang dijelaskan oleh Hans Küng (1994:17) bahawa Paul telah membawa anjakan paradigma baharu dalam agama Kristian.

Paul Pengasas Agama Kristian

Paul adalah merupakan individu yang amat penting dan paling berpengaruh dalam agama Kristian. Apa yang diimani dan diamalkan oleh penganut Kristian sekarang adalah merupakan ajaran yang dibawa oleh Paul. Lantaran itu menurut Hans Küng (1994:22), Paul adalah pengasas sebenar ajaran agama Kristian dan bukannya ajaran Jesus. Malangnya maklumat tentang Paul di peringkat kanak-kanak hampir tiada untuk menjadi bahan perbincangan ilmiah. Tidak banyak diketahui tentang beliau sebelum peristiwa pengakuan beliau sebagai utusan kepada manusia seluruhnya untuk menyebarkan agama Kristian (Ibn Taimīyah, t.t.:1/23).

1. Paul Beragama Yahudi

Menurut Sander (1991:8) Paul dilahirkan beberapa tahun selepas kelahiran Jesus iaitu pada tahun 10 Masihi di Tarsus (Achtmeier, 1985:757), sekarang ini berada di Turki. Lantaran itulah beliau dikenali sebagai *Paul of Tarsus*. Pada awalnya Paul bukan sahaja seorang yang beragama Yahudi, bahkan beliau merupakan salah seorang anggota di

dalam majlis *Sanhedrin*. *Sanhedrin* merupakan Majelis Agama Yahudi yang berfungsi sebagai Mahkamah Agung dan Majelis Kepimpinan agama Yahudi yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan hukum hakam agama Yahudi (Douglas 1989:337). Ia merupakan dewan tertinggi dalam agama Yahudi yang terdiri daripada tujuh puluh satu orang anggota.

Menurut J. Murphy Connor (1996:66) kedudukan Paul sebagai salah seorang ahli majlis *Sanhedrin* bukan sahaja menggambarkan kuatnya pegangan beliau terhadap ajaran agama Yahudi bahkan memberikan gambaran pengaruh yang dimiliki oleh Paul di kalangan penganut agama Yahudi. Paul bukan sekadar beragama Yahudi, bahkan berada di kalangan barisan kepimpinan agama Yahudi yang menjadi sumber rujukan berkaitan hukum hakam agama Yahudi.

2. Paul Seorang *Hellenized Judaism*

Kehidupan masyarakat di Jerusalem ketika itu dilingkungi oleh budaya dan cara hidup Greek. Lantaran itu zaman ini dikenali sebagai *Hellenized Judaism* (Sandmel, 1978:309-332). Begitulah juga keadaan Paul di mana pendidikan dan budaya Greek menebal dalam hidupnya. Beliau bertutur dalam bahasa Greek yang merupakan *Lingua Franca* di Jerusalem pada ketika itu. Seheinggakan surat-surat yang ditulis, oleh Paul sepanjang dakwahnya adalah dalam bahasa Greek (Warne, 1995:26).

Telah menjadi amalan biasa orang Yahudi dizaman itu, mereka mempunyai dua nama. Nama Greek dan nama Hebrew. Demikian juga Paul, beliau mempunyai dua nama. Namanya dalam bahasa Hebrew ialah Saul dan ditransliterasikan sebagai Saulus. Manakala nama Greeknya ialah Paulus dan ditransliterasikan sebagai Paul. Walaupun Paul berpegang kuat kepada ajaran agama Yahudi, tetapi cara hidup sehariannya adalah dipengaruhi oleh budaya Greek (Browning 1993:190-191).

3. Paul dan Jesus

Tidak ada dalil yang jelas bahawa Paul pernah bertemu Jesus dalam hidupnya. Oleh itu secara pastinya Paul tidak pernah belajar sesuatu secara langsung daripada Jesus dalam hidupnya, sebelum kematian Jesus

di tiang salib (mengikuti pandangan orang Kristian). Bahkan kedatangan Jesus sebagai *Messiah* kepada bani Israel yang beragama Yahudi mendapat tentangan daripada ahli majlis *Sanhedrin*. Paul merupakan salah seorang yang paling kuat menentang dan memusuhi ajaran Jesus.

Menurut Zeitlin (1990:172) Paul bukan sekadar memusuhi ajaran Jesus, bahkan Paul juga termasuk antara orang yang menangkap dan menyiksa pengikut Jesus, sehingga ada antara mereka yang terbunuh kerana seksaan tersebut (NT, Acts 22:4). Tekanan dan penyeksaan yang Paul lakukan terhadap pengikut Jesus juga menggambarkan betapa kuatnya pegangan Paul terhadap ajaran Yahudi dan betapa bencinya Paul terhadap ajaran yang dibawa oleh Jesus yang dianggap sebagai ajaran yang telah terkeluar daripada agama Yahudi.

Perubahan : Daripada Musuh Kepada Pendokong Agama

Bagaimanakah Paul yang kuat memusuhi ajaran Jesus, tiba-tiba bertukar dan mendakwa menjadi pendokong utama ajaran Jesus? Paul bukan sahaja mendakwa menjadi pendokong dan utusan Jesus, bahkan telah membawa satu anjakan paradigma baharu dalam agama Kristian. Anjakan paradigma ini telah menjadikan Kristian jauh berbeza daripada ajaran asal yang dibawa oleh Jesus. Perubahan besar ini berlaku selepas peristiwa *conversion* yang dilalui oleh Paul sewaktu dalam perjalanan menuju ke Damsyik Syria.

1. Penyiksaan Selepas Kematian Jesus

Selepas kematian Jesus di tiang salib, (mengikuti pandangan agama Kristian), tekanan terhadap pengikut Jesus semakin kuat. Mereka ditangkap dan diseksa agar kembali semula kepada agama Yahudi kerana mereka mendakwa ajaran yang dibawa oleh Jesus terkeluar daripada agama Yahudi. Paul mengakui antara orang yang terlibat dengan penangkapan dan penyiksaan pengikut Jesus;

*I persecuted to the death the people who followed this Way.
I arrested men and women and threw them into prison.*

Saya menganiayai sampai mati pengikut-pengikut ajaran baru itu. Mereka semua, baik lelaki mahu pun perempuan, saya tangkap dan masukkan ke dalam penjara. (NT, Acts 22: 4)

Dalam ayat yang lain Paul menjelaskan; Memang itulah yang sudah saya lakukan di Jurusalem. Dengan surat kuasa dari ketua imam-imam agung, saya sudah memasukkan ke dalam penjara ramai orang-orang yang setia kepada Allah. Saya malah ikut juga menyetujui bahawa mereka dijatuhi hukuman mati. Banyak kali saya menyiksa mereka di synagogue, supaya memaksa mereka mengingkari apa yang mereka imani. Begitu panas hati saya terhadap mereka, sehingga ke kota-kota lain pun saya pergi untuk mengejar mereka di sana. (NT, Acts 26:10-11).

Jelas sekali tahap kemarahan dan kebencian Paul terhadap gerakan dan ajaran yang dibawa oleh Jesus dan pengikutnya, sehinggakan Paul menangkap, memenjara dan menyiksa mereka agar meninggalkan ajaran Jesus.

2. Penghijarahan Ke Damsyik

Apabila keadaan semakin tegang dengan peningkatan tangkapan demi tangkapan dan penyiksaan demi penyiksaan terhadap pengikut Jesus, maka ramai di kalangan mereka telah berhijrah dan melarikan diri ke Syria untuk menyelamatkan nyawa dan akidah mereka. Paul mengambil tindakan drastik untuk menyekat perkembangan ini. Beliau mendapatkan surat keizinan daripada Ketua Imam Agung iaitu ketua majlis *Sanhedrin* untuk menjejaki pengikut Jesus yang telah melarikan diri ke Damsyik;

The High Priest and the whole Council can prove that I am telling the truth. I received from them letters written to fellow Jews in Damascus, so I went there to arrest these people and bring them back in chains to Jerusalem to be punished.

Ketua Imam Agung sendiri dan seluruh ahli Mahkamah Agama dapat memberi kesaksian bahawa saya tidak ber-

bohong. Sebab mereka itulah yang sudah memberikan kepada saya surat keizinan yang ditujukan kepada orang-orang Yahudi di Damsyik. Dengan surat itu saya boleh menangkap mereka di sana (pengikut Yesus) dan membawa mereka ke Jerusalem untuk dihukum. (NT, Acts 22:5)

Dalam NT, Acts (26:12), Paul menegaskan dengan surat keizinan Mahkamah Agama telah berusaha untuk menjejaki mereka di Damsyik untuk membawa mereka pulang ke Jerusalem untuk memaksa mereka meninggalkan agama yang dibawa oleh Yesus atau dihukum jika ingkar.

3. Peristiwa *Conversion*

Paul telah mengumpulkan pengikutnya dan bersiap sedia untuk menuju ke Damsyik. Dalam perjalanan mereka menuju ke Damsyik, tiba-tiba berlaku peristiwa yang amat penting yang telah mengubah lanskap kehidupan Paul dan ajaran agama Kristian iaitu peristiwa *conversion*. Peristiwa perubahan dari musuh ketat ajaran Jesus kepada menjadi pendokong ajaran Jesus dan Paul mendakwa telah dilantik oleh Jesus sendiri untuk menjadi rasul ke seluruh umat;

Dalam perjalanan menuju ke Damsyik, ketika sudah dekat dengan kota itu, tiba-tiba satu sinar dari langit memancar di sekeliling Saulus. Dia jatuh ke tanah lalu mendengar suara berkata kepadanya; "Saulus, Saulus! Mengapakah engkau menganiayai aku?" "Siapakah kamu, Tuan?" tanya Saulus. Suara itu menjawab, "Akulah Jesus, yang kamu aniayai. Tetapi sekarang bangunlah dan masuklah ke kota. Di situlah kamu akan diberitahukan apa yang mesti kamu lakukan." Orang-orang yang bersama Saulus terkejut sehingga tidak dapat bersuara, kerana mereka mendengar suara itu tetapi tidak melihat seseorang pun. Lalu Saulus berdiri dan membuka matanya, tetapi matanya sudah tidak boleh melihat apa-apa lagi. Jadi mereka memegang tangan

dan memimpinnya masuk ke Damsyik. Tiga hari lamanya dia tidak boleh melihat dan selama itu dia tidak makan atau minum sama sekali. Ketika di Damsyik ada seorang yang beriman bernama Ananias. Maka firman Tuhan kepadanya di dalam satu penglihatan, Wahai Ananias! Maka katanya, Sahaya, Tuhan. (NT, Acts 9:3-10)

Paul mendakwa, dalam perjalanannya menuju ke Damsyik, tiba-tiba datang cahaya dari langit yang menyilau lagi terang benderang sehingga menyebabkan Paul dan pengikutnya jatuh ke tanah. Pada ketika itu jugalah datang suara dari langit memanggil Paul seraya bertanya mengapakah Paul menyakitinya. Paul mendakwa suara yang memanggilnya ialah suara Jesus yang telah melantik Paul sebagai utusannya.

Peristiwa ini dikenali dalam sejarah agama Kristian sebagai *the conversion*. Menurut L. Black (1964:143) Peristiwa ini bukan sahaja telah membawa perubahan besar dalam kehidupan Paul bahkan ia juga menyebabkan berlakunya anjakan paradigma dalam agama Kristian. Perubahan pada Paul daripada seorang yang amat kuat memusuhi ajaran Jesus menjadi seorang yang mendakwa menerima wahyu daripada Jesus. Maka dengan ini terbinalah akidah yang baharu iaitu akidah ketuhanan Jesus dalam ajaran yang dibawa oleh Paul. Dakwaan Paul bahawa Jesus memberikan wahyu kepada beliau ada Paul sebutkan di dalam Bible (NT, Galatians 1:12, Romans 1:1, 15:16, 1 Corinthians 1:1, 4:16 dan Philemon 3:17). Menurut N. Taylor, (1992:63) dalam peristiwa *conversion* ini, Paul mendakwa Jesus telah pun melantik Paul menjadi utusannya dan membawa ajaran Kristian yang baharu.

Paul juga mendakwa Jesus telah memerintahkannya untuk menyebarkan ajaran ini ke seluruh alam. Maka berubahlah ajaran agama Kristian yang pada asalnya hanya untuk bani Israel sahaja kepada ajaran untuk umat manusia sejagat. Lantaran itu, menurut L.M. Hofe, (1994:321) agama Kristian telah berubah dari agama yang bersifat *particularistic* kepada agama yang bersifat universal. Dari agama tauhid kepada agama trinititi. Paul juga ada menceritakan fenomena penting ten-

tang *conversion* ini di dalam ayat yang lain (NT, Acts,22:4-16, 26:10-18).

Ayat-ayat dalam Bible telah menjelaskan bagaimana pada mulanya Paul merupakan antara orang yang paling kuat memusuhi ajaran Jesus, bahkan ada antara pengikut Jesus yang telah diseksa oleh Paul sehingga mati. Namun selepas peristiwa *conversion* ini, bukan sahaja Paul telah bertukar menjadi pendokong utama ajaran Kristian, bahkan Paul telah berjaya membawa agama Kristian kepada satu pegangan akidah yang baharu dan amalan yang jauh berbeza dengan ajaran asal yang dibawa oleh Jesus. Dari fahaman Jesus sebagai Tuhan yang diajar oleh Paul, maka lahirlah akidah trinititi yang menjadi akidah asas bagi umat Kristian sekarang ini. Paul mendakwa menjadi rasul yang dilantik oleh Tuhan Jesus untuk diutuskan ke seluruh alam. Agama Kristian telah berubah, daripada hanya untuk bani Israel sahaja, telah menjadikannya agama yang bersifat universal untuk semua manusia. manakala akidah agama Kristian telah berubah daripada akidah tauhid kepada akidah trinititi.

Risalah Ke Seluruh Alam

Selepas Peristiwa *conversion*, bermulalah penyelewengan ajaran Kristian daripada ajaran Jesus yang sebenar. Agama Kristian yang ada sekarang merupakan ajaran Paul yang telah lari jauh daripada ajaran asal Jesus (Zeitlin 1990:171). Menurut Abdul Hamid Qadri (1089:13) ajaran Kristian yang dibawa oleh Paul merupakan agama baharu yang berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Paul merupakan pengasas sebenar ajaran agama Kristian yang ada sekarang. Paul jugalah yang telah mengubah ajaran agama ini daripada hanya untuk bani Israel sahaja kepada untuk manusia sejagat atau menjadi agama yang universal (Muhammad Abdullāh Al-Šarqāwī 1993:61). Paul mendakwa, suara Jesus yang memanggil beliau telah melantiknya menjadi rasul seterusnya memerintahkannya menyebarkan ajaran ini ke seluruh alam. Kenyataan ini dijelaskan sendiri oleh Paul dalam suratnya yang kepada Galatians;

Let me tell you, my friends, that the gospel I preach is not of human origin.¹² I did not receive it from any human being,

nor did anyone teach it to me. It was Jesus Christ himself who revealed it to me.¹³ You have been told how I used to live when I was devoted to the Jewish religion, how I persecuted without mercy the church of God and did my best to destroy it.

Saudara-saudara saya beritahu kepada kamu semua, ketahuilah bahawa Gospel yang saya sampaikan ini bukan datangnya daripada manusia. Saya tidak menerimanya daripada manusia dan tidak seorang pun yang mengajarkannya kepada saya, melainkan Jesus Christ sendirilah yang mewahyukan isi Gospel itu kepada saya. Tentu kamu sudah mendengar tentang kehidupan saya dahulu sebagai seorang penganut agama Yahudi. Kamu tahu bagaimana kejamnya saya memperlakukan jemaat Tuhan dan bagaimana kerasnya saya berusaha menghancurkannya. (NT, Galatians 1:11-13).

Ayat ini menjelaskan bahawa Paul telah mendapat wahyu daripada Jesus. Walaupun Paul mengakui bahawa beliau pada asalnya beragama Yahudi yang amat keras memusuhi ajaran agama yang dibawa oleh Jesus bahkan menyiksa mereka sehingga ada di kalangan mereka yang mati, namun sekarang beliau telah menjadi rasul yang dilantik oleh Jesus. Ayat ini juga secara jelas menyatakan bahawa Jesus bukan manusia yang memberi penegasan tentang ketuhanan Jesus.

Lantaran itulah Paul mengatakan bahawa dia tidak menerima Gospel ini daripada manusia tetapi daripada Jesus (Lihat juga NT, Romans 1:1, 15:16, 1 Corinthians 1:1, 4:16 dan Philemon 3:17). Ini bererti Jesus bukan manusia. Lantaran itu timbulnya fahaman baharu dalam agama Kristian bahawa Jesus adalah Tuhan. Jesus sebagai Tuhan yang telah melantik Paul sebagai nabinya *I have appeared to you to appoint you as my servant* (NT, Acts 26:16) bermaksud; Aku memperlihatkan diri kepadamu untuk mengangkat kamu menjadi pesuruhku. Maka dari sinilah lahirnya fahaman trinititi. Tuhan *the Father*, Tuhan Jesus dan Tuhan Ruh Kudus. *The Father* adalah Tuhan, Jesus adalah Tuhan dan Ruh

Kudus adalah Tuhan tetapi mereka bukan tiga Tuhan, mereka adalah satu Tuhan. Tiga dalam satu.

Keselamatan melalui Keimanan Bukan Dengan Melaksanakan Syariat

Jesus datang mengajak bani Israel untuk melaksanakan ajaran yang termaktub di dalam Taurat dan kitab-kitab para rasul sebelumnya. Bahkan Jesus mengancam mereka yang meninggalkan ajaran para rasul ini. Namun demikian Paul telah membawa satu anjakan pradigma yang baharu dalam ajarannya. Paul menegaskan dengan matinya Jesus di tiang salib maka ia telah membatalkan hukum Taurat (Sanders, 1991:91-92). Paul menjelaskan perkara ini dalam suratnya ke Efesus;

Having abolished in his flesh the enmity, even the law of commandments contained in ordinances; for to make in himself of twain one new man, so making peace.

Sebab dengan mati-Nya sebagai manusia Dia telah membatalkan hukum Taurat dengan segala perintah dan ketentuannya, untuk menciptakan keduanya menjadi satu manusia baharu di dalam diri-Nya dan dengan itu mengadakan damai sejahtera (NT, Efesus 2:15).

Segala hukum Taurat yang menjadi ajaran asas yang dibawa oleh Jesus telah dibatalkan oleh Paul. Paul juga menegaskan dalam suratnya ke Galatia;

know that a person is not justified by the works of the law, but by faith in Jesus Christ. So we, too, have put our faith in Christ Jesus that we may be justified by faith in Christ and not by the works of the law, because by the works of the law no one will be justified.

Kamu tahu, bahawa tidak seorang pun yang dibenarkan oleh kerana melakukan hukum Taurat, tetapi hanya oleh

kerana iman dalam Kristus Yesus. Sebab itu kami pun telah percaya kepada Kristus Yesus, supaya kami dibenarkan oleh karena iman dalam Kristus dan bukan oleh karena melakukan hukum Taurat. Sebab, "tidak ada seorangpun yang dibenarkan karena melakukan hukum Taurat" (NT, Galatia 2:16).

Demikian juga tentang hukum khatan secara fizikal yang diajarkan oleh nabi Ibrahim telah dibatalkan oleh Paul. Dalam suratnya kepada Galatia, Paul berkata; Sesungguhnya, aku ini Paul berkata kepadamu, bahawa jikalau kamu bersunat, maka Kristus tidak lagi mendatangkan faedah kepadamu (NT, Galatia 5:2). Sebaliknya Paul menjelaskan khatan yang sebenar ialah khatan rohani. Perkara ini dijelaskan oleh Paul dalam suratnya kepada Roma; "Yang disebut sunat, bukanlah sunat yang dilangsungkan secara lahiriah. Tetapi orang Yahudi sejati ialah dia yang tidak nampak keyahudiannya dan sunat ialah sunat di dalam hati, secara rohani, bukan secara hurufiah" (NT, Roma, 2:28-29).

Paul telah membawa satu anjakan paradigma baharu dalam ajaran Kristian bahawa keselamatan seseorang ialah dengan keimanan bahawa kematian Jesus di tiang salib sebagai penebus dosa dan bukan lagi dengan melaksanakan syariat yang terdapat dalam Taurat dan kitab para rasul seperti yang telah diajarkan oleh Jesus.

The Faith of Jesus vs The Faith in Jesus

Bermulalah dakwah Paul kepada manusia seluruhnya dan bukan hanya kepada bani Israel sahaja. Menurut Esler (1995:214), Paul mendakwa bahawa Jesus sendiri telah melantik beliau menjadi nabi untuk menyebarkan ajaran ini ke seluruh alam. Ajaran Jesus yang asalnya khas untuk bani Israel sahaja, telah berubah kepada seluruh manusia seperti yang didakwa oleh Paul.

Di sini timbullah perbezaan antara *the faith of Jesus* dan *the faith in Jesus*. *The faith of Jesus* adalah ajaran yang dibawa oleh Jesus, manakala *the faith in Jesus* adalah ajaran yang di bawa oleh Paul. Menurut Hyam Maccoby (1986:184) *the faith of Jesus* menyatukan an-

tara ajaran yang dibawa oleh Jesus dengan agama Yahudi manakala *the faith in Jesus* adalah ajaran Paul yang berbeza dengan ajaran agama Yahudi. *The faith of Jesus* adalah agama Yahudi manakala *the faith in Jesus* adalah agama Kristian yang ada sekarang. Lantaran itulah menurut Hans Küng (1992:373) dalam dialog antara agama Kristian dan agama Yahudi selalu disebutkan slogan ini *The faith of Jesus unites us, the faith in Jesus divides us* (Keimanan Jesus menyatukan kita, manakala keimanan pada Jesus membezakan kita).

Paul dan Anjakan Paradigma

Agama Kristian bermula di dalam lingkungan agama Yahudi. Para pengikut Jesus pada zaman itu kesemuanya adalah daripada kalangan bani Israel dan beragama Yahudi sahaja. Lantaran itulah Zeitlin (1990:55) menyatakan dakwah Jesus merupakan gerakan tajdid yang berlaku di dalam agama Yahudi. Ia bukanlah satu ajaran agama yang baharu. Jesus sendiri dilahirkan di dalam keluarga Yahudi, membesar di dalam budaya dan adat resam Yuhudi serta mengamalkan amal ibadat mengikut ajaran agama Yahudi (Hans Küng, 1992:316). Lantaran itulah Jesus mengajak bani Israel untuk melaksanakan ajaran Taurat dan ajaran para nabi sebelumnya.

Namun ajaran Kristian sekarang telah jauh berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus. Agama Kristian yang diamalkan oleh penganut agama Kristian sekarang dengan kepercayaan bahawa Jesus adalah Tuhan, merupakan ajaran baharu yang dibawa oleh Paul dan ia bukan ajaran yang dibawa oleh Jesus (Lookwood, 1984:135). Paul beragama Kristian manakala Jesus beragama Yahudi. Jesus mendakwa dirinya sebagai rasul sedangkan Paul mendakwa Jesus adalah Tuhan.

Dakwah Jesus berpaksi kepada akidah tauhid manakala dakwah Paul berasaskan kepada akidah trinititi. Menurut Fitzmyer (1989:57) ajaran yang dibawa oleh Paul akhirnya telah membentuk akidah trinititi dalam agama Kristian. Dakwah Jesus hanya untuk bani Israel sahaja manakala dakwah Paul untuk manusia seluruhnya. Keselamatan dalam dakwah Jesus dengan berpegang kepada ajaran Taurat dan para nabi sebelumnya, manakala dalam ajaran Paul keselamatan dengan meyakini

bahawa Yesus telah mati di tiang salib untuk menebus dosa mereka. Inilah anjakan paradigma baru yang telah dibawa oleh Paul. Di sinilah perbezaan antara ajaran Yesus dengan ajaran Paul (Charlesworth, 1990:47).

Kesimpulan

Anjakan paradigma yang telah dibawa oleh Paul telah menjadikan agama Kristian sebagai agama yang baharu yang berbeza konsep dan akidahnya dengan ajaran Yesus. Berikut merupakan anjakan paradigma yang telah dibawa oleh Paul yang membezakan antara ajaran Paul dan ajaran Yesus;

- i. Yesus beragama Yahudi dan dakwahnya juga sentiasa di dalam ruang lingkup agama Yahudi, tetapi Paul telah membawa agama yang baharu iaitu agama Kristian yang telah terkeluar daripada ruang lingkup agama Yahudi.
- ii. Dakwah Yesus bersifat *particularistic* iaitu hanya untuk bani Israel sahaja manakala dakwah Paul bersifat universal iaitu untuk seluruh alam.
- iii. Yesus mengajak bani Israel menyembah Tuhan Yang Maha Esa, manakala ajaran Paul telah melahirkan akidah trinititi yang diyakini oleh sebahagian besar penganut Kristian sekarang.
- iv. Yesus mengaku baginda seorang rasul, sebaliknya Paul telah mengangkat Yesus sebagai Tuhan yang disembah.
- v. Yesus mengajak bani Israel berpegang kepada kitab Taurat dan kitab para rasul sebelumnya, tetapi ajaran Paul menyatakan peraturan Taurat telahpun terbatal dengan kematian Yesus di tiang salib.
- vi. Kejayaan di akhirat menurut Yesus ialah dengan beriman kepada Tuhan Yang Esa dan melaksanakan perintah-Nya, manakala menurut Paul kejayaan di akhirat adalah dengan keimanan Yesus sebagai Juru Selamat yang telah mati di tiang salib untuk menebus anak Adam.
- vii. Ajaran Yesus menyatakan bahawa seorang manusia lahir suci bersih tanpa dosa, manakala ajaran Paul menyatakan seorang manusia lahir dengan mewarisi dosa bapanya Adam. Dosa ini

ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH DAN TEKSTUAL ANALISIS 149

dinamakan dosa warisan atau *original sin*. Lantaran itu Yesus datang untuk mati di tiang salib untuk menebus dosa manusia.

Perubahan ajaran yang dibawa oleh Paul ini telah menyebabkan berlakunya anjakan paradigma dalam agama Kristian sehingga ia berbeza dengan ajaran yang diajar oleh Yesus kepada murid-murid dan pengikutnya.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Kajian adalah hasil penulis sendiri dan tidak menerima sebarang dana.

RUJUKAN

A Reader's Guide to the Holy Bible, New York, Thomas Nelson inc. 1972

Abdul Hamid Qadri (1989), *Dimension of christianity*, Islamabad: Aa'wah Academy, International Islamic University.

Brand H. Young (1996), *Jesus the Jewish Theologian*, U.S.A.: Hendrickson Publisher.

Charlesworth, James H. ed. (1990), *Shared Ground Among Jew and Christian, A Series of Exploration*, New York: Cross Road.

D. Winter ed. (1975), *Henry's commentary of The New Testament*, London: Hodder and Stoughton Ltd.

Douglas ed. (1989), *The Concise Dictionary of Christian Tradition Worship Liturgy & History*, Great Britain: Marshall Pickering.

E.P. Sander (1991), *Paul*, Oxford: Oxford University Press.

- Edwin D. Freed (1990), *The New Testament: A Critical Introduction*, California: Wadsworth Publishing Company.
- Esler ed. (1995), *Modeling Early Christianity, Social-Scientific Studies of the New Testament in its Context*, London: Routledge.
- Fitzmyer, J.A. (1989), *Paul and His Theology*, New Jersey: Prentice Hall.
- Hans Küng (1994), *Great Christian Thinkers*, London: SMC Press.
- _____ (1992), *Judaism Between Yesterday and Tomorrow*, New York: Crossroad Publishing Company.
- Hyam Maccoby (1986), *The Mythmaker: Paul and the Invention of Christianity*, London: Weidenfeld & Nicolson, London.
- Ibn Taimīyyah (tanpa tarikh), *Al-Jawāb Aṣ-Ṣahīh Liman Baddal Dīn Al-Masīh*, Mutab‘i Al-Majīd At-Tijārīyyah.
- International Student Association (ISA), (1989), *Should You Believe in the Trinity*, New York: Watch Tower Bible and Tract Society of New York.
- Irving M. Zeitlin (1990), *Jesus and the Judaism of His Time*, Cambridge: Polity Press.
- Ismā‘aīl Ibn Kaṭīr (1985), *Tafsir Al-Qurān Al-‘Aẓīm*, Beirut, Dār Ihyā At-Turāṭ Al-‘Arābī.
- ‘Irfān Abdel Ḥamīd Fattah (2000), *An-Naṣrāniyyah Naṣātuhā At-Tāriḥīyyah wa Usūl ‘Aqāiduhā*, Jordan, Dār Amār.
- J. Murphy Connor (1996), *Paul: A Critical Life*, England: Clarendon Press.
- J.B Philips (1957), *The Gospels Translated in to Modern English*, London: Geoffrey Bles.

**ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH 151
DAN TEKSTUAL ANALISIS**

- J.R. Hirnells ed. (1997), *A New Handbook of Living Religion*, Oxford: Blackwell Publisher Ltd.
- Jalāluddīn As-Sayūtī dan Jalāluddīn Al-Mahallī (t.t), *Tafsīr al-Jalālāin*, Beirut, Dār Al- Mār‘arif.
- Karl Rahner (2018), *The Trinity*, New York: Crossroad.
- L. Black (1964), *Judaism and Christianity*, Philadelphia: The Jewish Publication Society of America.
- L.M. Hofe (1994), *Religious of the World*, New York: Macmillan College Publishing Company.
- Lookwood, Bruno Chiesa Wilfrid (1984), *Ya ‘qūb Al-Qirqīsānī on Jewish Sects and Christianity*, Frankfurt: Verlag Peter Lang.
- Muhammad Abdullāh Al-Šarqāwī (1993), *Dirāsāt fī Al-Milal wa An-Nihl: Usūl Al-Māsihīyyah wa Al-Hilīniyyah*, Qāherah, Maktabāt al-Madāniyyah.
- Muhammad ‘Ali As-Šobūnī bertajuk (2001), *At-Tafsīr Al-Wāḍih Al-Muyassar* diterbitkan di Beirut, Al-Maktāb Al-‘Ariḍah
- N. Taylor (1992), *Paul Antioch and Jerusalem, A Study in Realition Authority in Earliest Christianity*, England: The University of Sheffield.
- P.J. Achtemeier ed. (1985), *Harper's Bible Dictinoary*, New York: Harper San Francisco.
- R. Browning (1993), *Who's Who in the New Testament*, London: J.M. Dent Ltd.
- Rudolf Bultmann (1951), *Jesus and the World*, New York: Charles Scribner's Son.

**152 ANJAKAN PARADIGMA DALAM AGAMA KRISTIAN : KAJIAN SEJARAH DAN
TEKSTUAL ANALISIS**

Sanders, E.P. (1991), Oxford: Oxford Univerisity Press.